



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803
Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM RAMAH MESRA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA PENJAWAT AWAM WP LABUAN

LABUAN, 16 FEBRUARI 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama 5,000 orang penjawat awam Wilayah Persekutuan Labuan di Program Ramah Mesra sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Program ini menjadi platform kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan dalam menyampaikan amanat kepada para penjawat awam di Labuan agar sama-sama membantu memulihkan kepercayaan masyarakat terhadap urus tadbir kerajaan supaya lebih cekap dan efektif. Kesemua agensi kerajaan di WP Labuan diminta untuk bekerjasama dalam memastikan segala inisiatif yang dibuat dijayakan tanpa perlu melalui banyak *red tapes*.

Penganjuran program yang diadakan secara santai bersama anggota pentadbiran kerajaan ini membolehkan YB Menteri WP mengenali dengan lebih dekat anggota awam yang merupakan tulang belakang kepada pentadbiran negara. Semua penjawat awam perlu sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat. Mereka turut diingatkan agar tidak terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti pengambilan rasuah, penyalahgunaan kuasa, dadah dan tidak berintegriti. Perkara ini

harus ditepis daripada terus terpalit kepada seluruh warga perkhidmatan yang melaksanakan tugas dengan baik.

Kementerian Wilayah Persekutuan memperkenalkan *tagline* ‘Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi’ bagi melaksanakan semua inisiatif terbaharu kepada warga Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kementerian berharap agar melalui *tagline* yang diperkenalkan memberi suntikan semangat buat semua anggota awam untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Disediakan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Labuan

16 Februari 2019